

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, February 23, 2020 11:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FInDER Tingkatkan Kesedaran Tentang Coronavirus



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 FEBRUARI 2020 / 29 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: FInDER

FInDER TINGKATKAN KESEDARAN TENTANG CORONAVIRUS



UUM ONLINE: Ketika ini, dunia digemparkan dengan wabak coronavirus (Covid-19) yang sangat mengerikan dan telah mengorbankan banyak nyawa khususnya di negara China.

Pengarah Research Unit (RU) Food Security, Innovation and Development Research Centre (FInDER), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Dr. Risyawati Mohamed Ismail berkata, menyedari kepentingan untuk menyebarkan pengetahuan terhadap coronavirus, FInDER mengadakan sesi taklimat kepada semua staf.

Menurutnya, sesi taklimat yang diadakan pada hari pertama pendaftaran gugur tambah pelajar sesi A192 baru-baru ini, merupakan sebagai langkah berjaga-jaga dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang coronavirus.

Katanya, sesi taklimat itu menfokuskan kepada cara-cara menjaga dan mengamalkan kebersihan diri yang baik.

“Rajin mencuci tangan selepas menggunakan kemudahan yang dikongsi bersama seperti tandas dengan memakai pencuci tangan berasaskan alkohol. Sebenarnya, tidak ada virus lain yang boleh bertahan selama ini di atas benda bukan hidup seperti tombol, meja dan plastik.

“Amalkan pemakaian topeng muka dengan cara yang betul iaitu bahagian yang berwarna berada di bahagian luar bagi mengelakkan virus,” katanya.

Staf juga diberikan pendedahan dan info tentang bagaimana mencegah virus ini daripada merebak di persekitaran pejabat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.